

BIODATA JOHN BASTIN

Koleksi peribadi terbesar yang pernah diperolehi PNM ialah perolehan dari *The Malayan Library of John Bastin* yang telah dilakukan pada tahun 1995. John Bastin adalah seorang profesor yang tidak asing dalam pengajian sejarah Malaya dan Indonesia. Beliau adalah pengasas kepada pengajian sejarah di Universiti Malaya dan adalah dekan fakulti sastera yang pertama di universiti tersebut sebelum berpindah untuk menghabiskan perkhidmatannya sebagai pensyarah dalam pengajian sejarah moden Asia Tenggara di University of London. Kerjayanya sebagai seorang yang amat dekat dengan sejarah telah menjadikannya sebagai seorang yang banyak mengumpul pelbagai buku mengenai Tanah Melayu yang merangkumi hampir kesemua bidang kajian mengenai negara ini. Dari lebih 3,000 judul ini terdapat buku mengenai arkeologi, pertanian, perlombongan, botani, perbankan dan perikanan. Namun kekuatan koleksi ini adalah dalam bidang sejarah termasuk mengenai pentadbiran kerajaan, politik, pentadbiran, kisah pengembaraan, etnogeografi dan alam semula jadi abad ke19 dan ke20 Tanah Melayu. Koleksi beliau juga merangkumi koleksi terpilih bahan penerbitan bahasa, dan kebudayaan Melayu, pendidikan, Perang Dunia Kedua, penaklukan Jepun ke atas Malaya dan Singapura serta zaman darurat Komunis Malaya yang berikutan selepas itu. Koleksi beliau juga termasuk buku yang berbentuk memoir dan biografi hasil penulisan bekas Residen British atau pegawai-pegawai British yang pernah berkhidmat di Malaya.

Terdapat juga dalam koleksi ini beberapa buku fiksiyen dan buku kanak-kanak.

Keunikan perolehan koleksi John Bastin ini adalah terletak pada cara koleksi ini diurus. Koleksi ini disediakan dengan katalognya sendiri dalam dua jilid. *Catalogue of the Malayan Library of John Bastin* disusun dalam format yang mudah dikesan dan ada juga di antara bahan yang mempunyai anotasi.

Sesungguhnya, pelaburan yang telah dibuat atas perolehan aset ini dianggap berbaloi dengan mengambilkira ketandusan bahan seumpama ini dalam koleksi mana-mana perpustakaan di negara kita. Kini Malaysia boleh berbangga bahawa setidak-tidaknya ia mempunyai sebahagian besar koleksi Malaysiana yang ada juga terkumpul di *The British Library*.